

Pelajar SMK Padang Tengku terima bimbingan UMP

UTUSAN MALAYSIA (PAHANG)
SELASA 3 JUN 14 M/S 27

KUALA LIPIS 2 Jun - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengajurkan Kem Interaksi Pemimpin Muda (In-Team) melibatkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Tengku dekat sini bagi membentuk sahsiah dan keyakinan diri peserta ke arah kecemerlangan akademik.

Program musim cuti selama tiga hari dua malam itu dijayakan oleh Kelab In-Smartive UMP membabitkan 20 mahasiswa UMP dan 79 pelajar terdiri daripada pengawas dan ahli jawatankuasa asrama sekolah.

Majlis penutupan program dan penyampaian sijil disempurnakan oleh Yang Dipertuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan, Badra Isa Abdul Hamid kelmarin.

Yang hadir sama, Penasihat Kelab In-Smartive UMP, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain; Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Padang Tengku, Harinawati Hussain dan Presiden Kelab In-Smartive, Asraf Ahmad.

Sempena majlis berkenaan, Badra Isa turut menyampaikan anugerah peserta terbaik kepada Aqwa Afiq Sabri, 16, dan Nor Laili Razali, 17.

Bercakap kepada pemberita, **Wan Nazrul Helmy** berkata, modul interaksi *In-Smartive* yang dilaksanakan semasa program itu telah



BADRA Isa Abdul Hamid (duduk, lima dari kanan) dan Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain (duduk, empat dari kiri) bersama ahli Kelab In-Smartive UMP dan pelajar yang mengikuti program Kem Interaksi Pemimpin Muda di Kuala Lipis, baru-baru ini. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

dirangka ke arah pembentukan nilai kepemimpinan, integriti serta menjana sahsiah remaja.

"Kita memfokuskan pelajar luar bandar di Padang Tengku kerana sekolah ini antara yang berpotensi di Lipis meliputi akademik, kokurikulum dan pembinaan insan selain kerjasama erat antara PIBG dengan pentadbir sekolah," katanya.

Menurut beliau, antara modul dirangka pensyarah dan mahasiswa UMP sempena program itu adalah Tak Kenal Maka Tak Cinta, Last Man Standing, D.I.C.E, *The Burj*, Sembang Santai, Halaqah Jiwa dan beberapa segmen lain.

Sementara itu, **Badra Isa** berkata, PIBG mengalu-alukan program motivasi dan penceraian fikiran mem-

babitkan kumpulan pelajar di luar bandar yang sangat menagih pengertuan daripada pensyarah dan penturut menara gading.

"Saya akui dan yakin modul *In-Smartive* merupakan transformasi pemikiran pelajar di sini ke arah berkeyakinan menzahirkan nilai sahsiah, integriti sebagai pelajar remaja sekali gus bersiap siaga meng-

hadapi cabaran semasa belajar, kerjaya dan sebagai pemimpin masa akan datang," katanya.

Tambahnya, program itu juga antara kegiatan yang bermanfaat menambah nilai pembelajaran di sekolah di samping mengikut landasan yang betul berdasarkan bidang pembangunan modal insan.